



Fail: (10) KPKT/BPK/19/7/4 Klt.37

Tarikh: 9 Oktober 2011

SIARAN MEDIA

PROJEK PEMULIHAN LA COTTAGE, DENGKIL KOMITMEN KERAJAAN UNTUK KESEJAHTERAAN RAKYAT

DENGKIL, 9 Oktober, 2011 – Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan merasmikan penyerahan kunci projek La Cottage pada pagi ini. Pelaksanaan pemulihan Projek La Cottage ini adalah usahasama Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan melalui Jabatan Perumahan Negara dan Rimbun Corporate Advisory Sdn. Bhd. Syarikat ini telah dilantik sebagai pelikuidasi. Langkah ini telah membolehkan para pembeli mendapatkan rumah yang telah dibeli dalam masa yang singkat.

2. Projek La Cottage ini telah diisytiharkan terbengkalai sejak 31 Disember 2006 yang melibatkan 1283 unit rumah dengan 755 pembeli bagi keseluruhan lima fasa iaitu Fasa 1C, 1D, 1E, 1F dan 1G.

3. Pada hari ini, Sijil Layak Menduduki (CFO) akan diberikan kepada Fasa 1E dan 1D (187 pembeli) oleh Yang Dipertua Majlis Perbandaran Sepang. Sebelum ini, seramai 191 pembeli Fasa 1E telah diduduki dengan Sijil Layak Menduduki Sementara (TCF).

4. Manakala bagi Fasa 1C dan Fasa 1F, peratus kemajuan masa kini telah mencapai sebanyak 75% dan dijangka akan siap pada Disember

2012. Bagi Fasa 1G pula akan dimulakan kerja pemulihan pada awal November ini dan dijangka disiapkan pada pertengahan Jun 2012.

5. Faktor kelewatan dalam proses pemulihan projek perumahan swasta terbengkalai yang sering dihadapi oleh KPKT adalah:

- I. Kesukaran untuk mendapatkan butiran projek yang mana biasanya tidak ada rekod Kebenaran Merancang dan Pelan Bangunan serta lukisan teknikal yang berkaitan;
- II. Ketiadaan rekod senarai pembeli. Jika adapun, rekod tersebut tidak lengkap dan masih sukar untuk KPKT menghubungi pembeli bagi sesuatu projek terbabit;
- III. Isu yang dihadapi dengan tuan tanah bagi tapak projek. Kebanyakan tuan tanah bagi tapak projek perumahan swasta terbengkalai enggan ataupun gagal memberikan kerjasama. Akibatnya, pembeli ataupun *creditors* terpaksa membawa kes berkaitan ke Mahkamah untuk menyelesaikan isu-isu atau pertikaian yang berkaitan dengan tuan tanah; dan
- IV. Isu-isu yang melibatkan perundangan iaitu seperti mendapatkan *locus* mahkamah yang selalunya mengambil masa yang agak lama untuk diselesaikan.

6. Selaras dengan Gagasan 1 Malaysia, Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan sehingga 30 September 2011, KPKT telah berjaya memulihkan sebanyak 83 projek (49%) di seluruh negara dari jumlah 167 projek perumahan yang telah diisytiharkan terbengkalai sejak tahun 2009. Ini melibatkan seramai 9,278 pembeli mendapat manfaat daripada usaha pemulihan ini. Manakala, sebanyak 62 projek

(32%) lagi sedang dipulihkan dan berada dipelbagai peringkat kemajuan, dengan baki 22 projek (14%) lagi dalam perancangan untuk dipulihkan.

Turut hadir dimajlis ini ialah **YBhg. Datuk Ahmad Bin Haji Kabit** Ketua Setiausaha, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan; **YB. Dato' Sri Ir. Mohd Zin bin Mohamad** Ahli Parlimen Sepang; **YB. Dato' Marsum bin Paing** ADUN Dengkil; **YBhg. Dato' Abu Bakar bin Hassan** Ketua Pengarah, Jabatan Perumahan Negara; **YBrs. Tuan Mohd Amin bin Ahmad Ahya** Pegawai Daerah Sepang; **YBrs. Tuan Mohd Sayuti Bin Abu Bakar** Yang Dipertua Majlis Perbandaran Sepang dan **Encik Ravendra Kumar Nathan** Rimbun Corporate Advisory Sdn. Bhd selaku Likuidator.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) diterajui oleh Yang Berhormat Dato' Wira Chor Chee Heung. Di bawah Kementerian ini terdapat 9 Jabatan iaitu Jabatan Perumahan Negara, Jabatan Kerajaan Tempatan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Jabatan Lanskap Negara, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Perbadanan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam, Tribunal Tuntutan Pembeli Rumah dan Institut Latihan KPKT.

Untuk keterangan lanjut sila hubungi Jessylina Mat Lazim Ketua Komunikasi Korporat (jessy@kpkt.gov.my)

Dikeluarkan Oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555
Faks : 03-8891 5557
E-mail : pro@kpkt.gov.my